



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 53 / 2023**

**URUSAN PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
PARLIMEN P.040 KEMAMAN, TERENGGANU**

1. Urusan penamaan calon bagi PRK Parlimen P.040 Kemaman, Terengganu telah dijalankan hari ini **bermula pukul 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi**.
2. Sejurus tamatnya tempoh tersebut, sebanyak **dua (2) kertas penamaan** telah dikemukakan oleh calon-calon yang akan bertanding. Senarai nama calon mengikut cabutan undi seperti berikut:

BIL	NAMA CALON	PARTI
a.	JENERAL (B) TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI	BARISAN NASIONAL (BN)
b.	DR. SAM	PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS)

3. Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh Pegawai Pengurus sehingga jam **11.59 malam, 1 Disember 2023 (Jumaat)**.
4. Bagi tujuan pemantauan semua aktiviti calon-calon yang bertanding ketika berkempen, SPR telah menubuhkan sebanyak **lima (5) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)**.

5. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan sebagaimana diperuntukkan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5]**, khususnya bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti gabungan / komponen secara bersama atau berasingan** yang diwakilinya.
6. Semua kaedah dan bahan kempen adalah **DIBENARKAN** selagi mana ia tidak mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan atau berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan termasuk menyentuh isu 3R serta tidak melanggar peruntukan Akta 5 dan undang-undang lain yang berkaitan.
7. Lambang/simbol/bendera parti politik calon yang bertanding termasuklah lambang/simbol/bendera parti politik komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi namun menyokong/bersekutu calon parti politik bertanding tersebut dibenarkan untuk dipamerkan secara bersama atau berasingan di bahagian pilihan raya calon tersebut bertanding (tertakluk kepada pengisytiharan yang dibuat Pegawai Pengurus pada Hari Penamaan Calon).
8. Tiada had ditetapkan kepada gambar bagi parti politik yang bertanding dan gambar pemimpin parti politik komponen/gabungan/ pakatan pada bahan kempen pilihan raya.
9. Gambar pemimpin parti politik pada bahan kempen termasuklah gambar pemimpin parti politik komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi namun menyokong/bersekutu calon parti politik bertanding boleh digabung atau diletakkan secara berasingan tertakluk kepada bahagian pilihan raya calon/parti politik tersebut bertanding. Pemimpin yang dimaksudkan adalah individu-individu yang mempunyai apa-apa jawatan di mana-mana peringkat di dalam parti atau parti gabungan/komponen yang berdaftar secara rasmi atau tidak berdaftar secara rasmi.

10. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

18 November 2023 / 4 Jamadilawal 1445H